

MALIKE Brahim

MOHD. FO'AD Sakdan

Universiti Utara Malaysia

MUSLIZA Mohamad

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

PERANAN WAKIL RAKYAT DALAM PARTI POLITIK: ISU DAN CABARAN

ROLES OF REPRESENTATIVES IN POLITICAL PARTIES: ISSUES AND CHALLENGES

Semua wakil rakyat di Malaysia mewakili parti politik tertentu dalam dewan perundangan. Sebagai pemimpin komuniti, negeri dan kebangsaan, wakil rakyat mempunyai peranan penting kepada parti yang diwakilinya dan masyarakat Malaysia. Namun, wujud pelbagai isu dan masalah dalam parti yang boleh menjelaskan pencapaian dan prestasi parti dalam pilihan raya. Wakil rakyat mempunyai tanggungjawab besar dalam menyelesaikan konflik dalaman dan berkemampuan untuk membawa kejayaan kepada parti yang dipimpinnya. Berhubung perkara tersebut, suatu kajian tinjauan telah dijalankan menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumbalas daripada responden. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan melibatkan ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Hasil kajian mendapati masalah yang berlaku dalam parti adalah disebabkan oleh persaingan jawatan parti yang cenderung membawa kepada isu politik wang dan konflik kepimpinan. Wakil rakyat juga menghadapi masalah apabila ada segelintir ahli dan wakil rakyat bertindak keluar parti, di samping saingen sengit daripada parti lawan. Sebagai pemimpin parti, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar kepada parti seperti yang disarankan oleh Stilborn (2002) untuk menangani cabaran-cabarannya tersebut. Jika isu dan masalah tersebut gagal ditangani, ia boleh membawa kesan buruk kepada parti dan wakil rakyat itu sendiri dalam pilihan raya akan datang. Jadi, kemampuan menyelesaikan isu dan cabaran dalam parti menunjukkan kualiti dan kemahiran kepimpinan yang dimiliki wakil rakyat.

Kata kunci: *wakil rakyat, kepimpinan, parti politik*

All elected representatives in Malaysia represent a particular political party in the legislative assembly. As community, state and national leaders, political representatives have important commitments to the political party he or she represents, and an important role in Malaysian society. However, many issues and problems can occur in political parties that affect that party's achievements

and performance during elections. Political representatives thus have a major responsibility in internal conflict resolution and, the more capable a representative, the more able he or she is in leading that party to success. This article is based on the findings of a research survey and feedback questionnaire on the theme of elected representatives. Members of Parliament and State Legislature have been selected through purposive sampling technique. One of the conclusions to be drawn from the research was that problems tend to occur in political parties because of competition for party positions, especially over the related issues of money and leadership. Political representatives were also found to have faced problems when members and elected representatives leave the party at short notice, and where there is fierce competition from the opponents' parties during campaigning. As responsible community leaders, political representatives have a huge responsibility to their respective party to handle those challenges effectively (Stilborn: 2002). If they fail in this challenge, the impact on the party will be detrimental to the election outcome. Therefore, the ability of individual representatives to negotiate problems and come up with effective solutions are key leadership's qualities that all political representatives must possess.

Keywords: *elected representative, leadership, political party*

Pengenalan

Dalam sistem demokrasi berparlimen atau berpresiden, pilihan raya merupakan suatu kaedah penting untuk memilih perwakilan dan seterusnya menentukan siapa yang memerintah. Pelbagai sistem pilihan raya dilaksanakan, di mana kebanyakan negara demokratik menggunakan sistem majoriti mudah dan perwakilan bernisbah. Di Malaysia, sistem pilihan raya berteraskan kepada tiga prinsip, iaitu undi majoriti mengikut kaedah *first-past-the-post system*; pemilihan seorang perwakilan mengikut bahagian pilihan raya (*single member territorial representation*); dan penyertaan pelbagai parti (*multi party electoral system*) (Malaysia, 2007a:7).

Melalui tiga prinsip tersebut, perwakilan atau wakil rakyat di Malaysia telah dipilih. Penentuan siapa yang menjadi wakil rakyat adalah melalui pengiraan undi berdasarkan majoriti walaupun calon tersebut hanya berkelebihan satu undi mengatasi lawannya bagi memenangi kerusi pilihan raya yang dipertandingkan. Inilah yang dikatakan sebagai sistem majoriti mudah mengikuti kaedah *first-past-the-post system*. Seorang wakil rakyat hanya boleh mewakili suatu kawasan pilihan raya mengikut kaedah *single member territorial representation*. Namun, seseorang itu boleh menjadi wakil rakyat bagi kawasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam masa yang sama.

Di samping itu, semenjak pilihan raya umum pertama Tanah Melayu

yang telah diadakan pada tahun 1955 disertai oleh pelbagai parti politik, di mana sistem ini berterusan hingga pilihan raya umum ke-13 mengikut kaedah *multi party electoral system*. Dalam sistem ini, parti-parti politik yang berdaftar secara sah boleh meletakkan calon-calonnya untuk bertanding dalam mana-mana kawasan pilihan raya sama ada di peringkat Dewan Rakyat mahupun DUN. Berhubung perkara ini, sejarah membuktikan kebanyakan wakil rakyat di dewan perundangan mewakili parti-parti politik tertentu. Oleh sebab itu, sebagai perwakilan dan pemimpin yang telah dipilih melalui pilihan raya, wakil rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab secara langsung kepada parti politik yang diwakilinya.

Tanpa mengira ideologi politik yang diikutinya, wakil rakyat yang telah dipilih melalui pilihan raya perlu berkhidmat dengan cekap dan berkesan kepada seluruh rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Melalui parti politik, wakil rakyat boleh menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Jika rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, wakil rakyat dan parti politik yang diwakilinya secara berterusan mendapat sokongan daripada rakyat. Keadaan ini memberi peluang kepada wakil rakyat untuk terus dipilih dalam pilihan raya yang akan datang dan parti politiknya boleh mengekalkan kuasa untuk memerintah. Dalam hal ini, rakyatlah yang berkuasa dalam sistem demokrasi untuk menentukan perwakilan dan kerajaan yang memerintah.

Dalam konteks politik Malaysia seperti yang berlaku pada hari ini menyaksikan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dan parti politik tidak dapat dipisahkan. Walaupun berlaku fenomena wakil rakyat melompat parti selepas memenangi kerusi pilihan raya, ia tidak menjelaskan fungsi parti politik dalam sistem demokrasi di negara ini. Jika tidak terus kekal sebagai wakil rakyat Bebas, pemimpin berkenaan boleh menyertai parti politik lain. Dengan itu, fungsi parti politik terus kekal dan wakil rakyat berkenaan tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab kepada parti politik yang diwakilinya. Inilah hakikatnya apa yang berlaku di Malaysia, di mana wakil rakyat boleh berkhidmat dengan cemerlang melalui parti politik kepada rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Keupayaan dalam menonjolkan kepimpinan yang cemerlang melalui parti politik boleh memberikan manfaat kepada wakil rakyat itu sendiri dan parti politik yang diwakilinya, di mana rakyat boleh terus kekal memberi sokongan kepada kedua-duanya dalam pilihan raya yang akan datang.

Sedikit kelainan antara sistem demokrasi berparlimen berbanding berpresiden kerana mengamalkan doktrin percantuman kuasa. Doktrin ini membenarkan wakil rakyat dilantik sebagai ahli Kabinet. Amalan percantuman kuasa itu menurut beberapa sarjana sains politik seperti Carter dan Herz (1970:28); Crystal (1990:1089); Ramanathan (1992:236); Robertson (1985:249); dan Roskin, Cord, Medeiros dan Jones (2003:260) dibenarkan dalam sistem berparlimen seperti yang berlaku di kebanyakan negara

Komanwel. Di Malaysia, amalan percantuman kuasa termaktub dalam Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan (Malaysia, 2007b).¹ Apabila dilantik memegang jawatan dalam Kabinet, wakil rakyat (hanya yang terpilih) mempunyai peranan yang semakin besar bukan hanya kepada pengundi dan parti politik yang diwakilinya, tetapi kepada kerajaan.

Oleh sebab itu, dalam sistem politik kepartian, doktrin percantuman kuasa memberi beberapa kelebihan kepada wakil rakyat jika dilantik sebagai ahli Kabinet. Melalui kedudukan dalam Kabinet dan parti politik, ia membolehkan wakil rakyat memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai pemimpin dalam membuat keputusan demi kepentingan rakyat yang diwakilinya. Wakil rakyat boleh memanfaatkan peluang sebagai ahli Kabinet untuk mengukuhkan sokongan rakyat kepadanya melalui dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan demi kepentingan rakyat. Di samping itu, wakil rakyat juga boleh mengukuhkan kedudukannya dalam parti politik jika memegang jawatan dalam Kabinet kerana ia mempunyai ruang dan peluang untuk memanipulasi keadaan demi kepentingan politiknya dengan kuasa dan autoriti yang diberikan kepadanya.

Apa yang penting pada masakini adalah aspek kecemerlangan dalam perkhidmatan. Justeru itu, wakil rakyat perlu mempunyai komitmen dan keazaman untuk berkhidmat dengan cemerlang kepada rakyat dan parti politik yang diwakilinya. Di sini wakil rakyat boleh menggunakan parti politik sebagai wadah perjuangannya untuk menonjolkan kepimpinan yang cemerlang. Sebagai pemimpin, parti politik boleh menjadi asas bagi wakil rakyat untuk menjadi '*role model*' kepada seluruh lapisan masyarakat terutama yang memegang pelbagai jawatan pentadbiran di agensi-agensi kerajaan mahupun syarikat berkepentingan kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan tadbir urus yang baik melalui parti politik dan seterusnya menjadi *role model* kepada rakyat (Kapur & Mehta 2006: iii).

Bukan mudah untuk menjadi pemimpin yang cemerlang dan berjaya. Begitu juga bukan mudah untuk menjadi pemimpin parti politik yang disegani oleh lawan dan kawan serta disenangi oleh seluruh lapisan masyarakat. Di dalam parti politik misalnya, wujud pelbagai isu dan cabaran yang mampu mengugut kepimpinan wakil rakyat sebagai pemimpin politik. Isu dan cabaran yang wujud dalam parti politik banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran hingga menimbulkan pelbagai masalah yang besar kepada wakil rakyat untuk diselesaikan. Hal ini menyebabkan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat semakin mencabar dan bertambah kompleks. Justeru itu, artikel ini membincangkan beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh wakil rakyat dalam parti politik yang mempunyai kesan dan mempengaruhi kepimpinan wakil rakyat.

Konsep Wakil Rakyat

Secara umumnya wakil rakyat itu merujuk kepada *representative* ataupun *assemblyman*. Di beberapa buah negara yang memiliki sistem satu dewan (*single chamber/unicameral*), wakil rakyat atau perwakilan itu digelar *member of parliament* atau ahli Parlimen. Di Malaysia, ahli Parlimen itu hanya merujuk kepada ahli Dewan Rakyat, tetapi bukan kepada ahli DUN. Justeru itu, di Malaysia, wakil rakyat merujuk kepada ahli Dewan Rakyat (Parlimen) dan DUN. Perkataan wakil rakyat juga digunakan di Brunei dan Indonesia yang merujuk kepada ahli-ahli Dewan Perwakilan atau Parlimen masing-masing.

Dari segi konsepnya, Hussain (1987:160) menjelaskan bahawa perwakilan atau wakil rakyat itu merupakan tokoh, pemimpin dan ahli politik yang terdapat dalam sesebuah negara. Oleh sebab itu, wakil rakyat itu lazimnya merupakan seorang ketua kepada sesebuah kumpulan politik yakni parti-parti politik. Namun, Hussain mendapati bahawa tidak wujud banyak perbezaan antara tokoh dan ketua kerana kedua-duanya memiliki ciri-ciri kejuaraan. Ciri-ciri kejuaraan itu mempunyai beberapa kelebihan kerana ia melibatkan soal keturunan, kekayaan, kehebatan dan kebolehan, darjah dan sebagainya sama ada dari segi rohani maupun jasmani.

Di samping itu, wakil rakyat mempunyai kedudukan dan peranan khusus bagi kumpulan yang diwakilinya. Menurut Hussain (1987:161), dalam banyak keadaan seperti di Malaysia, kedudukan dan jawatan wakil rakyat itu menjadi begitu istimewa sehingga dapat mengatasi banyak jawatan dan kedudukan lain. Disebabkan keistimewaan itulah ia menjadi impian banyak pihak bukan sekadar ahli-ahli politik yang bercita-cita menjadi wakil rakyat, tetapi juga dalam kalangan penjawat awam, ahli korporat, peguam, doktor dan lain-lain. Perkara ini secara implisitnya wujud menurut Hussain disebabkan oleh tiga faktor penting iaitu:

- a) Faktor pemilihan dan proses politik dalam menentukan seseorang wakil rakyat;
- b) Faktor pengaruh dan konteks atau jaringan politik dan bukan politik yang memerlukan seseorang wakil rakyat terlibat di dalamnya; dan
- c) Faktor peranan rasmi dan tidak rasmi yang menjadikan seseorang wakil rakyat sebagai pemimpin bagi kumpulan di peringkat bawahan yang diwakilinya dengan kumpulan pemimpin serta pembuat dasar dan penggubal dasar di peringkat atas.

Ketiga-tiga faktor di atas telah menjadikan kedudukan wakil rakyat begitu istimewa. Dalam banyak hal, jawatan wakil rakyat dapat mengatasi kedudukan dan kepentingan pegawai-pegawai awam dan lain-lain tokoh dalam pelbagai bidang. Justeru itu, Hussain (1987:161) merumuskan bahawa peranan wakil rakyat bukan sekadar sebagai seorang ketua, seorang juara kelompok,

seorang tokoh, tetapi merupakan pemimpin berwibawa yang lebih istimewa dan begitu menonjol berbanding pemimpin-pemimpin biasa yang lain.

Sementara itu, Arblaster (1994: 80) menjelaskan konsep perwakilan itu sukar difahami dari segi peranan atau tindakan yang perlu dilakukan mengikut kebiasaannya dalam badan perundangan. Perwakilan bercakap dan menyuarakan sesuatu perkara bagi mewakili individu atau kumpulan tertentu dalam Parlimen berbanding dirinya sendiri. Perwakilan yang telah dipilih bagi mewakili sesuatu kawasan pilihan raya (*constituency*) perlu berani bercakap untuk rakyat yang diwakilinya. Kedudukan perwakilan dalam dewan perundangan adalah di atas mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Melalui mandat itulah perwakilan mempunyai autoriti untuk bercakap dan bertindak demi kepentingan rakyat dan kawasan yang diwakilinya.

Bagi Catt (1999:77) pula, dalam sistem demokrasi liberal rakyat berkuasa memilih perwakilan bagi membuat keputusan dalam dewan perundangan. Atas sebab itu, perwakilan atau wakil rakyat adalah bertanggungjawab kepada rakyat melalui keputusan yang telah dibuatnya dalam dewan perundangan. Oleh itu, keputusan yang dibuat perlulah bersifat demokratik kerana rakyat mempunyai pengaruh terhadap keputusan yang dibuat itu. Jadi, dalam sistem demokrasi, rakyat mempunyai peranan penting dalam memilih perwakilan mereka. Oleh sebab itu, wakil rakyat mesti bertanggungjawab ke atas tindakan yang dibuatnya bagi rakyat yang diwakilinya.

Peranan wakil sebagai pembuat undang-undang (*law-making function*) dalam Parlimen atau DUN. Jika dilantik sebagai ahli Kabinet, peranan wakil rakyat pula adalah sebagai pelaksana undang-undang (*law-application function*) (Ball 1993:174 & 215; dan Syed Ahmad 1995:204). Kedudukan wakil rakyat mempunyai dua peranan berbeza dalam suatu masa yang sama berpuncak daripada doktrin percantuman kuasa yang diamalkan dalam sistem berparlimen. Hal ini menyebabkan Kabinet lebih dominan berbanding Parlimen dalam membuat undang-undang dan dasar awam. Doktrin ini juga telah meletakkan peranan Parlimen hanya sebagai badan yang mengawal, meneliti, melulus dan menolak rang undang-undang yang dibentangkan. Peranan Parlimen dalam keadaan ini ibarat pengesah atau pengecap mohor (*rubber stamp*) sahaja selepas sesuatu undang-undang dan dasar awam itu dianjurkan oleh Kabinet (Syed Ahmad 1995:206).

Peranan Wakil Rakyat

Wujud kekeliruan dalam kebanyakan rakyat di Malaysia dalam memahami peranan wakil rakyat. Salah satu daripada faktornya mungkin disebabkan kesan daripada doktrin percantuman kuasa yang diamalkan menyebabkan wakil rakyat berperanan dalam dua badan (Parlimen dan Kabinet) berasungan secara serentak dalam masa yang sama. Keduanya, wujud salah faham

tentang peranan wakil rakyat yang dipengaruhi oleh keperluan di pihak rakyat yang sentiasa menuntut wakil rakyat untuk sedia memberi perkhidmatan dan menyelesaikan masalah mereka tanpa mengira waktu dan keadaan. Mereka lupa bahawa wakil rakyat perlu melaksanakan tanggungjawabnya dalam Parlimen dan DUN sebagai penggubal undang-undang dan membawa masalah rakyat untuk dikemukakan kepada Kabinet. Dengan kata lain, wujud kekeliruan dan pemahaman yang berbeza khususnya di pihak rakyat tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat mengikut persepsi masing-masing. Adakah ini tepat atau salah?

Di sudut yang lain pula yang mempunyai kaitan dengan perkara di atas, di mana ia telah menyebabkan kepimpinan wakil rakyat itu lebih terserlah dalam pelbagai aktiviti dan program kemasyarakatan dan khidmat sosial bersama rakyat dan parti politik. Keadaan ini sedikit sebanyak ‘melindungi’ peranan wakil rakyat sebagai perwakilan dalam dewan perundangan. Keadaan ini telah wujud semenjak sistem perwakilan diwujudkan di negara ini selepas pilihan raya 1955 hingga kini. Isu ini juga seringkali dikaitkan dengan keperluan dan tuntutan rakyat yang sentiasa memerlukan wakil rakyat agar dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Akhirnya, peranan wakil rakyat lebih menonjol di luar Parlimen dan DUN. Tidak ada salahnya jika rakyat memahami begitulah keadaannya dari segi peranan dan tanggungjawab wakil rakyat kepada mereka. Mengapakah keadaan seperti itu berlaku?

Sebenarnya menurut pandangan Ahmad Atory (2010:vii), keadaan ini berlaku disebabkan peranan wakil rakyat seperti di Malaysia tidak pernah dijelaskan secara bertulis. Dengan kata lain, tiada panduan yang boleh digunakan untuk rujukan dalam usaha memahami peranan wakil rakyat. Dalam Perlembagaan Persekutuan pun tidak dijelaskan secara terperinci peranan wakil rakyat. Kesannya, rakyat memahami peranan wakil rakyat mengikut persepsi masing-masing. Secara mudahnya, rakyat lebih memahami peranan wakil rakyat di luar dewan perundangan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi berbanding dalam Parlimen dan DUN.

Dalam konteks masyarakat hari ini, rakyat lebih memahami peranan wakil rakyat dalam aspek khidmat sosial (*social services*) atau kerja sosial (*social works*) berbanding peranan dalam Parlimen (*parliamentary roles*). Dengan kata lain, rakyat lebih memahami dan memerlukan khidmat wakil rakyat di luar dewan perundangan berbanding membawa suara dan masalah mereka untuk diselesaikan melalui Parlimen dan DUN. Dalam hal ini, Lusoli dan Ward (2004) dan Searing (1994) membahagikan peranan wakil rakyat kepada *constituency roles* dan *parliamentary roles*. Mickel (2010) pula menambah peranan wakil rakyat kepada *social services/works*. Bagi Stilborn (2002) pula, wakil rakyat juga mempunyai peranan secara langsung kepada parti politik (*party responsibilities*) yang diwakilinya.

Dari sudut *parliamentary roles*, wakil rakyat berperanan sebagai penggubal undang-undang dalam badan perundangan (Lusoli & Ward 2004:1-

3) yakni di Parlimen dan DUN. Ini merupakan peranan hakiki wakil rakyat sebagai perwakilan. Dalam Parlimen dan DUN, wakil rakyat memikul tanggungjawab sebagai penggubal undang-undang, penyokong kerajaan dan sebagai pembangkang. Dalam aspek *parliamentary roles* juga wakil rakyat bertindak sebagai jurucakap, pemantau dan pengawas segala aktiviti kerajaan serta pemudahcara kepada rakyat untuk berurusan dengan kerajaan. Aspek ini merupakan tugas rasmi wakil rakyat sebagai perwakilan yang telah dipilih mengikut undang-undang.

Manakala *constituency roles* pula merupakan tanggungjawab wakil rakyat kepada pengundi dalam kawasan yang diwakilinya. Ini dapat diperhatikan dalam penjelasan Searing (1994) seperti dalam pernyataan di bawah:

... role of Westminster MPs identified a significant group whose saw their primary focus in terms of constituency. Their role was that constituency welfare officer, sorting out the problems of individual constituents and/or being an advocate for the constituency as a whole, promoting it both economically and politically.

Jika *parliamentary roles* lebih kepada tanggungjawab rasmi, *constituency roles* pula lebih cenderung kepada tanggungjawab yang tidak rasmi walaupun adakalanya bersifat rasmi. Berdasarkan kedua-dua peranan tersebut jelas menunjukkan bahawa peranan wakil rakyat begitu kompleks. Antaranya menjaga kebijakan, menyelesaikan masalah, memberi khidmat nasihat kepada rakyat. Dalam masa yang sama wakil rakyat juga bertanggungjawab dalam meningkatkan kestabilan politik dan ekonomi.

Dari sudut *constituency roles*, peranan wakil rakyat banyak terarah kepada aktiviti berbentuk sukarela dan tidak rasmi. Ini termasuklah tanggungjawabnya kepada komuniti dengan cara melakukan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat atau kerja sosial (Mickel 2010). Melalui penyertaan dalam pelbagai program dan aktiviti berbentuk *constituency roles*, wakil rakyat dapat mendekatkan dirinya kepada komuniti dan menonjolkan nilai kepimpinan melalui teladan kepada rakyat. Peranan wakil rakyat dalam *constituency roles* kepada komuniti diperkuuhkan dengan penglibatannya dalam aspek *social roles/works*. Di pihak rakyat, aspek *social roles/works* itulah yang banyak diberi perhatian berbanding dua lagi peranan lain sebelum ini. Melalui aktiviti dalam *social roles/works*, rakyat cenderung menjemput wakil rakyat untuk menyertai pelbagai aktiviti dan acara yang dianjurkan tanpa mengira masa dan keadaan. Rakyat sentiasa mengalu-alukan penglibatan wakil rakyat. Kesediaan wakil rakyat untuk menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh komuniti merupakan suatu penghargaan besar kepada mereka.

Selain daripada peranan-peranan di atas, Searing (1994) dan Stilborn (2002) menjelaskan bahawa wakil rakyat mempunyai peranan dalam parti

politik (*party responsibilities*). Boleh dikatakan kebanyakan wakil rakyat seperti di Malaysia mewakili parti-parti politik tertentu dalam Parlimen dan DUN kecuali wakil rakyat Bebas. Oleh sebab itu, wakil rakyat mempunyai peranan yang sangat penting dalam parti politik. Antaranya bertanggungjawab dalam menarik sokongan rakyat dan menambah keahlian parti, di samping menanamkan semangat dalam kalangan ahli-ahli parti untuk terus setia dan kekal bersama parti. Perkara ini terbukti benar berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan di bawah.

Metodologi Kajian

Data kajian diperolehi menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden secara pos, melalui khidmat pembanci dan orang perantaraan serta menggunakan borang *online*.² Penentuan sampel kajian berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Penggunaan sampel jenis ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam tentang sesuatu (Neuman 2006: 222) dan mengenal pasti bagaimana sesuatu perkara atau situasi itu boleh berlaku (Northrop & Arsneault 2008: 225). Justeru itu, pemilihan sampel berdasarkan beberapa ciri-ciri tertentu seperti kumpulan, kelompok, status sosial, kedudukan, gender, etnik dan sebagainya merupakan pembolehubah yang penting (Paton 1990).

Persampelan bertujuan tidak menetapkan saiz sampel yang diperlukan, di mana ia bergantung kepada keperluan kajian. Frankfort-Nachmias dan Nachmias (1996) menjelaskan penyelidik tidak perlu menetapkan jumlah sampel yang cukup besar dalam kajian. Pemilihan sampel secara bertujuan (*purposive*) adalah untuk mengukuhkan pemahaman tentang sesuatu fenomena, di mana lebih menumpukan kepada aspek kualitatif berbanding kuantitatif. Dalam persampelan bertujuan, siapa yang akan dipilih sebagai sampel kajian bergantung kepada apa yang difikirkan oleh penyelidik.

Sebanyak 60 sampel yang terlibat dalam kajian ini yang meliputi ahli Parlimen dan DUN. Namun, hanya 56 soal selidik sahaja yang dianalisis setelah diteliti maklum balas yang diberikan oleh responden. Penganalisaan ke atas 56 soal selidik tersebut boleh dianggap mewakili populasi wakil rakyat di Malaysia. Analisis dapatan kajian dilakukan berdasarkan statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif bertujuan mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai setiap item yang dikaji yang dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Peranan Wakil Rakyat Dalam Parti Politik

Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa bersaing dalam arena politik untuk mendapatkan kuasa dan memerintah, parti-parti politik tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai isu dan masalah sama ada di peringkat dalaman

mahupun luaran. Apa yang pasti, isu dan masalah yang dihadapi oleh parti-parti politik menjadi suatu cabaran kepada barisan pemimpinnya bagi mencari jalan penyelesaian demi kepentingan parti dan para ahlinya. Apabila hal sedemikian berlaku, bagi wakil rakyat yang mewakili parti politik berkenaan pasti mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh partinya. Berhubung perkara ini, apa yang dihuraikan dalam perbincangan-perbincangan di bawah adalah adalah hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas wakil rakyat di Malaysia yang secara langsung berkaitan isu dan masalah atau cabaran yang dihadapinya dalam parti politik.

Sebagai pemimpin yang berwibawa, wakil rakyat perlu menangani setiap isu dan cabaran yang wujud itu dengan cara yang rasional, matang dan profesional. Ciri-ciri inilah yang menunjukkan tahap kualiti dan kecemerlangan kepimpinan yang dimiliki oleh wakil rakyat. Sebagai pemimpin yang memegang beberapa jawatan penting dalam parti seperti ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah memberi petunjuk bahawa wakil rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar kepada parti politik yang diwakilinya. Jawatan yang disandang dalam parti politik di peringkat cawangan, bahagian dan majlis tertinggi secara langsung menunjukkan tahap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Sebagai pemimpin yang diberi amanah oleh para ahlinya, wakil rakyat dengan kuasa yang dimilikinya mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan setiap isu dan masalah yang berlaku dalam parti politik. Secara mudahnya, jika wakil rakyat itu gagal melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan segala kemelut dan masalah dalam parti, ia memberi gambaran tentang kegagalan wakil rakyat tersebut dan kepimpinannya dalam parti politik.

Oleh sebab itu, pemimpin dan kuasa tidak dapat dipisahkan, di mana kedua-duanya saling memperkuuh dan memerlukan antara satu sama lain. Sebagai pemimpin, wakil rakyat perlu mempunyai kuasa untuk memujuk dan mempengaruhi pengikutnya. Dalam hal ini, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada ahli-ahli partinya dan juga kepada rakyat yang diwakilinya. Dengan kuasa dan autoriti yang dimiliki, wakil rakyat boleh melaksanakan peranan dan kepimpinannya secara berkesan dalam menyelesaikan masalah dalam parti dan juga rakyat. Justeru itu, Ruscio (2004) menyifatkan soal kepimpinan itu merupakan usaha untuk memujuk orang ramai melakukan sesuatu yang mana pada asalnya mereka tidak ingin melakukannya, tetapi akhirnya bersetuju untuk melakukannya. Perkara ini termasuklah dalam soal penentapan matlamat dan visi organisasi (Robbins 2000: 250). Dalam hal ini, parti politik merupakan organisasi formal yang perlu mempunyai matlamat dan visi yang jelas yakni mendapatkan kuasa dan memerintah negara. Sesuatu yang mustahil jika hendak memerintah negara tanpa kuasa. Justeru itu, kuasa menjadi matlamat utama pemimpin parti politik seperti wakil rakyat. Dalam sistem politik kepartian dan pilihan raya tiada cara lain untuk mendapatkan kuasa kecuali memenangi pilihan raya.

Sebelum apa yang diutarakan di atas dapat direalisasikan, wakil rakyat sebagai pemimpin perlu mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk menggerakkan operasi organisasi seperti parti politik dengan stabil (Schermerhorn, Hunt & Osborn 2003:287). Di sinilah letaknya kebijaksanaan wakil rakyat dalam menggerakkan jentera parti demi mencapai matlamat politik mereka dan berkuasa dalam negara. Oleh sebab itu, wakil rakyat perlu bijak memanfaatkan kuasa untuk mencapai misi dan matlamat organisasi, di samping sentiasa ada keperluan untuk meningkatkan prestasi diri dan parti politik yang diwakilinya. Situasi ini sangat jelas menunjukkan kepimpinan dan pemimpin mempunyai pertalian rapat dengan soal kuasa. Dengan itu, ia sekaligus dapat meningkatkan pengaruh, autoriti dan kawalannya terdapat sesuatu perkara. Ini boleh menjadi pengukur terhadap keupayaan dan kebolehan kepimpinan seseorang seperti wakil rakyat (Hodgetts, 2002: 488).

Jadual 1: Jawatan Dalam Parti Politik

Peringkat (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Cawangan:		
Ahli Biasa / Tiada Jawatan	19	33.9%
Ahli Jawatankuasa	2	3.6%
Ketua Cawangan / Ketua Wanita	19	33.9%
Pengerusi / YDP Cawangan	8	14.3%
Pengerusi Tetap	2	3.6%
Timbalan Ketua Cawangan	1	1.8%
Bahagian:		
Tiada Jawatan	12	21.4%
Ahli Jawatankuasa	5	9.0%
Ketua Bahagian / Ketua Wanita	11	19.6%
Pengerusi / YDP Bahagian	11	19.6%
Naib Ketua Bahagian	10	17.9%
Setiausaha	1	1.8%
Majlis Kerja Tertinggi:		
Tiada Jawatan	29	51.8%
Ahli dan Ketua Biro	3	5.3%
Ahli MKT	2	3.6%
AJK	4	7.1%
Ketua Pemuda / Ketua Wanita	2	3.6%
Naib Presiden	3	5.3%
Naib Presiden Kanan	2	3.6%
Presiden	1	1.8%
Timbalan Presiden	1	1.8%
Setiausaha	1	1.8%
Penolong Setiausaha	1	1.8%

(Sumber: Data Tinjauan 2011)

Apabila telah dipilih dan memenangi kerusi pilihan raya serta memegang beberapa jawatan dalam parti seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas, ia secara langsung meletakkan wakil rakyat sebagai pemimpin politik. Pemimpin politik merupakan individu yang berjuang untuk menegakkan kuasa politik (Wan Mohd 1996: 88). Dalam hal ini, wakil rakyat adalah pemimpin

yang paling layak menentukan arah tuju parti politiknya yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat yang diwakilinya. Rakyat pula menganggap pemimpin politik seperti wakil rakyat sebagai pembela dan tempat mengadu jika menghadapi sebarang kesusahan. Dengan kata lain, wakil rakyat mempunyai peranan untuk membela nasib rakyat melalui kuasa yang dimilikinya. Kemampuan wakil rakyat untuk mempengaruhi atau mengarahkan orang lain membuat sesuatu sama ada positif atau negatif memberi petunjuk kualiti kepimpinan yang dimilikinya (Mohd Ali 2004: 25).

Apa yang dibincangkan di atas memperlihatkan tentang kedudukan wakil rakyat sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa yang sah dalam parti politik dan sebagai perwakilan yang telah dipilih oleh rakyat. Atas kapasiti inilah wakil rakyat perlu diakui mempunyai legitimasi terhadap apa yang dilakukan khususnya dalam Parlimen dan DUN lebih-lebih jika mempunyai jawatan dalam Kabinet. Jadi, ini menunjukkan bahawa wakil rakyat mempunyai kewibawaan sah-rasional (*legal-rational*) konsep yang dikemukakan oleh Max Weber yang diperolehi daripada ahli-ahli parti yang diwakilinya. Apabila mempunyai kewibawaan sah-rasional, wakil rakyat boleh mengenakan kekuasaannya ke atas orang lain sehingga ia diterima sebagai pemimpin yang berkuasa. Atas sebab itulah jika rakyat menghadapi sebarang isu dan masalah, mereka akan merujukkannya kepada wakil rakyat untuk diselesaikan.

Jadual 2: Cara Mendapatkan Maklumat Untuk Parti

Cara Mendapat Maklumat (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Aduan diterima melalui pusat khidmat wakil rakyat.	54	96.4%
Melalui agen atau wakil YB di kawasan pilihan raya.	49	87.5%
Melalui media massa.	46	82.1%
Melalui internet.	44	78.6%
Melalui biro aduan parti.	22	39.3%
Melalui Biro Pengaduan Awam (BPA).	8	14.3%

(Sumber: Data Tinjauan 2011).

Hakikatnya wakil rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar kepada parti politik yang diwakilinya. Ini termasuklah soal mendapatkan maklumat untuk kepentingan parti dan ahli-ahlinya. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai sumber dan cara yang telah digunakan oleh wakil rakyat untuk mendapatkan maklumat bagi parti politik seperti ditunjukkan dalam jadual 2 di atas. Perkembangan politik semasa dan maklumat-maklumat terkini berkaitan politik, sosial, keselamatan, ekonomi, keamanan dan sebagainya perlu diperolehi secara pantas dan dapat disalurkan secara tepat kepada rakyat. Bagi menyalurkan maklumat kepada rakyat mahupun ahli-ahli parti, maka parti politik mempunyai tanggungjawab dalam perkara ini. Maklumat-maklumat terkini yang diperolehi amat penting untuk disalurkan kepada pucuk kepimpinan utama parti untuk dianalisis terutama mengenai

perkembangan parti-parti lawan dan dipanjangkan untuk pengetahuan rakyat dan ahli-ahli parti.

Antara sumber maklumat utama wakil rakyat ialah melalui pusat khidmat wakil rakyat (PKWR). Sebanyak 96.4% responden memperolehi maklumat melalui aduan-aduan yang diterima di PKWR. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan PKWR. Selain itu, agen parti yang dilantik juga merupakan sumber maklumat penting kepada wakil rakyat (87.5%) untuk disalurkan kepada parti politik. Tidak kurang pula wakil rakyat memperolehi maklumat untuk parti politik melalui media massa (82.1%) dan internet (78.6%). Kedua-dua sumber maklumat tersebut pada hari ini merupakan sumber penting dan sangat pantas. Justeru itu, fungsi kedua-dua sumber maklumat tersebut tidak boleh diketepikan oleh rakyat dalam sistem politik yang sedia ada.

Melalui sumber-sumber maklumat seperti ditunjukkan dalam jadual 2 di atas, wakil rakyat perlu bijak dan cekap dalam menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat terkini yang berubah dengan begitu pantas. Jika wakil rakyat dapat memperolehi banyak maklumat penting terutama tentang perkembangan parti lawan menerusi sumber-sumber tersebut, ia boleh memberi banyak kelebihan dan manfaat kepada wakil rakyat itu sendiri dan parti yang diwakilinya. Justeru itu, wakil rakyat dan parti politik yang berkenaan perlu sentiasa bertindak mengemaskini segala maklumat yang diterima dan menganalisisnya untuk kepentingan politik mereka. Tanpa maklumat yang jelas dan tepat, agak sukar bagi wakil rakyat dan seterusnya kepimpinan parti dalam membuat sebarang analisis tentang keadaan politik dan kekuatan pesaing-pesaingnya. Di sudut yang lain pula, wakil rakyat sebagai pemimpin parti (termasuk kepimpinan utama parti) tidak boleh menerima dengan sebulat-bulatnya maklumat daripada sumber-sumber tersebut, di mana segalanya juga perlu ditapis agar tidak menjelaskan kredibiliti kepimpinan wakil rakyat dan reputasi partinya.

Sebagai salah satu sumber terpenting berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, PKWR perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi wakil rakyat dan parti politik. Fungsinya bukan sekadar sumber maklumat, tetapi boleh menjadi pusat khidmat setempat (*one stop center*) dan agensi perantara bagi rakyat dengan wakil rakyat dan seterusnya kerajaan. Oleh sebab itu, fungsi dan kedudukan PKWR perlu dikaji semula sebagai organisasi tidak rasmi kepada yang rasmi. Dengan kata lain, PKWR boleh diinstitusikan mengikut undang-undang seperti agensi-agensi atau jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Bukanlah menjadi suatu kerugian jika PKWR boleh diinstitusikan secara rasmi kerana ia boleh menjadi agensi yang sangat penting di peringkat bawahan untuk berhubung dengan rakyat. Sudah tiba masanya PKWR dinaik taraf dan diinstitusikan secara rasmi seperti Pejabat Penghulu, Pejabat Daerah, Pejabat Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Jika PKWR diinstitusikan, ia boleh menjadi pusat setempat untuk kepentingan seluruh lapisan masyarakat

tanpa mengira ideologi politik. Ia boleh wujud dengan sistem pentadbiran dan pengurusan yang kekal di bawah perkhidmatan awam. Pertukaran wakil rakyat tidak menukar fungsi PKWR jika ia dapat diinstitusikan walaupun wakil rakyat silih berganti daripada parti politik yang berbeza selepas pilihan raya.

Seperti yang telah disebutkan di atas, sebagai pemimpin parti, wakil rakyat mempunyai banyak tanggungjawab kepada parti politik yang diwakilinya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah. Sebagai pemimpin parti, bukan mudah bagi wakil rakyat untuk menunjukkan kepimpinan yang berkesan dan cemerlang. Hal ini kerana wakil rakyat menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam parti politik (dibincangkan selepas ini). Apa yang berlaku membabitkan soal parti bukan alasan bagi wakil rakyat untuk tidak memberi perkhidmatan yang terbaik dan kepimpinan yang cemerlang dalam parti politik. Justeru itu, wakil rakyat perlu memainkan kepimpinannya secara berkesan dalam parti politik dengan melaksanakan pelbagai tanggungjawab. Antara tanggungjawab utama wakil rakyat kepada parti adalah untuk mengembalikan kepercayaan dan sokongan rakyat selepas pilihan raya umum ke-12 (PRU-12) lalu. Usaha ini amat penting untuk menghadapi PRU-13.

Jadual 3: Tanggungjawab Wakil Rakyat Kepada Parti

Tanggungjawab (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Memberi idea berasaskan parti.	51	91.1%
Menjaga kebijakan ahli parti.	49	87.5%
Menambah ahli parti.	47	83.9%
Terus menyokong pemimpin parti.	47	83.9%
Mengekang ancaman parti lawan.	43	76.8%
Menyelesaikan konflik dalam parti.	35	62.5%
Mengenal pasti pemimpin pelapis.	34	60.7%
Menggerakkan peti undi.	29	51.8%
Mencari dana atau kewangan parti.	27	48.2%

(Sumber: Data Tinjauan 2011).

Dapatkan kajian jelas menunjukkan kebanyakan responden memegang beberapa jawatan dalam parti politik. Justeru itu, sebagai pemimpin parti, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada parti yang diwakilinya. Terdapat beberapa tanggungjawab yang dimainkan oleh wakil rakyat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 di atas. Antaranya ialah memberi idea-idea yang berasaskan untuk pembangunan parti pada masa hadapan (91.1%). Perkara ini sangat penting terutama dalam menghadapi saingan parti lawan, di mana wakil rakyat bertanggungjawab dalam hal tersebut (76.8%). Untuk menghadapi saingan parti lawan, wakil rakyat bertanggungjawab dalam memperkuuh kekuatan parti bukan sahaja dari segi anggota atau keahlian, tetapi juga dari segi kewangan dan sokongan pengundi dalam pilihan raya. Bagi mengukuhkan kedudukan parti, wakil rakyat berperanan dalam menggerakkan

usaha ke arah menambah ahli-ahli parti (83.9%) dan terus memberi sokongan kepada pemimpin utama parti (83.9%).

Di samping itu, wakil rakyat perlu berusaha untuk menstabilkan kewangan parti dengan mencari dana dan sumbangan daripada pelbagai pihak (48.2%). Jika memiliki dana atau kewangan yang kukuh, parti boleh merancang pelbagai aktiviti dan program bagi menarik sokongan rakyat dan menjaga kebaikan ahli-ahli parti (87.5%). Dalam hal ini, wakil rakyat bertanggungjawab untuk menggerakkan peti undi (51.8%) bagi menghadapi parti lawan dalam pilihan raya. Justeru itu, wakil rakyat perlu memainkan peranan dalam menyelesaikan sebarang konflik dan perbalahan yang berlaku dalam parti (62.5%) sekiranya ingin melihat partinya menjadi lebih kukuh dan sedia bersaing dengan lawan dalam pilihan raya. Selain itu, wakil rakyat juga mempunyai tanggungjawab dalam mengenal pasti pemimpin pelapis (60.7%) yang boleh mengambil alih teraju kepimpinan parti yang sedia ada dan boleh diketengahkan dalam pilihan raya yang akan datang sekiranya ada dalam kalangan pemimpin dan wakil rakyat yang sedia ada bersara daripada politik dan menarik diri daripada dicalonkan semula dalam pilihan raya. Keupayaan wakil rakyat dalam melaksanakan beberapa tanggungjawab di atas boleh menjadi kayu pengukur dalam menilai tahap kecekapan dan kecemerlangan kepimpinan wakil rakyat dalam memimpin parti politiknya ke arah yang lebih dinamik.

Isu dan Cabaran Dalam Parti Politik

Walaupun wakil rakyat boleh menjadi pemimpin yang cemerlang dan berjaya dalam membawa kemajuan kepada parti yang diwakilinya, ia tidak dapat mengelak daripada berlakunya sebarang isu dan masalah dalam parti. Isu dan cabaran yang wujud dalam parti politik boleh dipengaruhi oleh faktor dalaman mahupun luaran. Isu dan cabaran tersebut jika tidak dapat ditangani dengan bijaksana boleh memberi pelbagai implikasi kepada parti dan pemimpin yang terlibat. Di Malaysia, di peringkat parti politik banyak berlaku konflik dan pergolakan yang dicetuskan oleh para pemimpin dan ahli-ahlinya yang cenderung untuk berpuak-puak ekoran perebutan kuasa dan jawatan dalam parti. Boleh dikatakan keadaan perebutan kuasa dalam parti sebagai sesuatu yang lumrah dan tidak dapat dielakkan. Ianya berlaku kerana masing-masing mempunyai matlamat untuk memegang kuasa dalam parti. Cita-cita tersebut tidak dapat direalisasikan tanpa sokongan ahli-ahli parti yang sedia ada di peringkat cawangan dan bahagian. Bermula dari situah wujudnya kecenderungan untuk berpuak-puak ekoran keputusan ahli-ahli parti untuk memihak kepada pemimpin-pemimpin tertentu. Perkembangan tersebut banyak mendorong berlakunya amalan politik wang demi cita-cita memegang jawatan dalam parti kerana ia boleh menjadi tiket untuk dicalonkan dalam pilihan raya dan menjadi wakil serta berpeluang dilantik sebagai ahli kabinet.

Jadual 4: Masalah Dihadapi Dalam Parti Politik

Cabaran Dalam Parti (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Wujud puak-puak dalam parti kerana berebut jawatan.	36	64.3%
Persaingan dan perebutan jawatan dalam parti.	26	46.4%
Konflik kepimpinan kian kritikal.	19	33.9%
Gejala politik wang kian menjadi-jadi.	18	32.1%
Rakyat hilang kepercayaan terhadap kekuatan parti.	14	25.0%
Parti menghadapi masalah kewangan yang teruk.	5	8.9%
Ramai ahli yang keluar parti dan serta parti lawan.	3	5.4%
Ramai wakil rakyat yang melompat parti.	2	3.6%

(Sumber: Data Tinjauan 2011).

Dapatkan kajian seperti ditunjukkan dalam jadual 4 di atas memperihal beberapa masalah yang dihadapi oleh wakil rakyat dalam parti. Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan masalah yang berlaku itu cenderung membawa ancaman kepada parti. Pastinya apabila berlaku persaingan dan perebutan jawatan dalam parti (46.4%), ia cenderung mewujudkan perpuukan dalam parti (64.3%). Keadaan tersebut boleh mendorong berlakunya amalan politik wang (32.1%) yang boleh menjadi perkara biasa apabila diadakan proses pemilihan pucuk pimpinan parti demi kepentingan diri dan gila kuasa. Jika keadaan-keadaan tersebut tidak dapat ditangani, pastinya ia menjadi suatu beban kepada pemimpin yang sedia ada termasuk wakil rakyat dan ahli-ahli parti yang terpaksa menanggung kesannya. Akhirnya, tidak mustahil ada di antara ahli-ahli parti sudah merasa bosan dan kecewa dengan apa yang berlaku membuat keputusan keluar meninggalkan parti (5.4%) sama ada menyertai parti lain atau tidak menjadi ahli mana-mana parti.

Di samping itu, wakil rakyat sebagai pemimpin parti turut berhadapan dengan fenomena melompat parti oleh wakil rakyat (3.6%). Tindakan melompat parti sama ada menjadi wakil rakyat Bebas atau menyertai parti politik lain boleh memberi kesan yang besar kepada parti yang ditinggalkan. Tindakan melompat parti tidak boleh dihalang kerana tiada undang-undang yang digubal bagi menghalang perbuatan sedemikian. Lagipun ia tidak menyebabkan jawatan wakil rakyat yang disandang atas tiket parti sebelumnya terbatal. Justeru itu, tindakan melompat parti walaupun masalah agak kecil, tetapi ia tidak harus dipandang ringan. Fenomena ini telah berlaku di Perak selepas pilihan raya umum ke-12, di mana wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat (PR) membuat keputusan keluar daripada PR dan menyatakan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN).

Kesan melompat parti amat besar. Walaupun parti yang diwakili sebelum itu berjaya membentuk kerajaan, tetapi tindakan melompat parti menyebabkan PR gagal mengekalkan kuasa. Kerajaan Perak bertukar tangan kepada BN. Tindakan demikian disifatkan sebagai '*political breaker and*

political maker'. *Political breaker* bermakna tindakan meruntuhkan atau menjatuhkan kerajaan yang sedia, di mana parti yang memerintah telah kehilangan majoriti dalam Parlimen atau DUN untuk terus kekal berkuasa. Di pihak yang mendapat sokongan pula boleh mendapat majoriti untuk mengambil alih kuasa, di mana tindakan ini disifatkan sebagai *political maker*. Sebagai pemimpin parti, wakil rakyat perlu melihat fenomena melompat parti sebagai sesuatu yang sangat bahaya kepada parti. Justeru itu, sudah tiba masanya semua wakil rakyat demi kepentingan parti dan menghormati keputusan pengundi yang telah memberi undi kepada mereka menggubal undang-undang anti lompat parti di peringkat Dewan Rakyat dan DUN. Jika ada undang-undang anti lompat parti, nescaya wakil rakyat yang berkenaan perlu memikirkan semasak-masaknya sebelum berbuat demikian jika statusnya sebagai wakil rakyat terbatas apabila mengisyiharkan keluar parti dengan menyokong parti lain kemudiannya.

Selain menghadapi masalah-masalah seperti dibincangkan di atas, wakil rakyat turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam parti politik. Dapatkan kajian menunjukkan beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh wakil rakyat seperti ditunjukkan dalam jadual 5 di bawah. Cabaran-cabaran tersebut jika gagal diatasi dengan sebaik mungkin, ia turut memberi kesan yang besar kepada parti dan diri wakil rakyat berkenaan. Justeru itu, wakil rakyat perlu memperinci setiap cabaran tersebut dan menilai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk mengatasinya.

Jadual 5: Cabaran-cabaran Dalam Parti Politik

Penilaian (N = 54)	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju
Memastikan parti mencapai kemenangan dalam PRU-13.	92.6%	1.9%	5.6%
Memastikan manifesto parti dapat dilaksanakan sebelum PRU-13.	92.6%	-	7.5%
Memastikan pembahagian kerusi antara parti komponen secara adil untuk PRU-13.	90.8%	1.9%	7.5%
Menentukan semua program parti dapat dilaksana dengan berkesan.	85.5%	3.6%	10.8%
Memastikan program kerajaan dilaksana dengan berkesan.	85.4%	3.6%	10.9%
Menentu hala tuju parti selaras dengan matlamat perjuangan.	83.6%	5.4%	10.9%
Mengekalkan sokongan pengundi dalam PRU-13.	76.2%	9.1%	14.6%
Memastikan boleh dicalonkan semula untuk PRU-13.	53.7%	20.4%	26.0%
Mengekalkan jawatan dalam parti.	52.8%	12.7%	34.4%
Kesetiaan ahli parti tidak terjamin kerana pengaruh parti lawan.	45.4%	12.7%	41.9%

(Sumber: Data Tinjauan 2011).

Cabaran-cabaran yang perlu dihadapi itu turut memerlukan tindakan dan keputusan yang bijaksana khususnya untuk menghadapi pilihan raya

umum (PRU) ke-13. Oleh sebab itu, wakil rakyat berhadapan dengan cabaran dalam memastikan partinya mencapai kemenangan (92.6%) dalam PRU-13. Sebelum menghadapi PRU-13, sebagai pemimpin parti maka wakil rakyat bertanggungjawab dalam memastikan bahawa manifesto parti yang telah dilancarkan semasa kempen PRU-12 dapat dilaksanakan sepenuhnya sebelum tiba PRU-13 (92.6%). Manifesto pilihan raya yang diterjemahkan dalam pelbagai program dan dasar banyak ditentukan oleh kepimpinan utama parti. Justeru itu, wakil rakyat juga menghadapi cabaran dalam memastikan semua semua program parti (85.5%) dan program kerajaan (85.4%) dapat dilaksanakan sebelum PRU-13. Kegagalan menunaikan manifesto dan menyempurnakan semua program parti dan kerajaan boleh memberi implikasi kepada parti dalam PRU-13 misalnya dalam mengekalkan sokongan rakyat (76.2%).

Sehubungan dengan itu, wakil rakyat juga perlu konsisten dalam menentukan hala tuju perjuangan parti agar tidak terpesong daripada matlamat asal (83.6%). Perkara ini menjadi cabaran kepada wakil rakyat yang sedia ada kerana terdapat perubahan-perubahan dalam parti, di mana para pemimpin cenderung untuk memikir soal kuasa tanpa memikirkan matlamat asal perjuangan. Oleh sebab itu, adakah pakatan yang ditubuhkan bersama parti-parti politik lain kian longgar, di mana wujud perselisihan terutama dari segi penempatan calon bagi kawasan-kawasan pilihan raya tertentu hingga memberi peluang kepada pihak lawan. Justeru itu, pembahagian kerusi dalam kalangan parti komponen (90.8%) turut menjadi cabaran kepada wakil rakyat dalam memastikan ia dapat dilakukan secara adil untuk mengekal konflik dan pertembungan sesama sendiri bagi sesuatu kawasan pilihan raya. Di samping itu, wakil rakyat turut menghadapi cabaran dalam memastikan dirinya dicalonkan semula (53.7%) dalam PRU-13 dan mengekalkan kedudukannya dalam parti (52.8%).

Wakil rakyat turut berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan sokongan rakyat (76.2%) dalam PRU-13. Sekiranya semua perkara yang disebutkan di atas mampu ditunai dan diselesaikan dengan baik, cekap dan berkesan sekalipun, ia belum menjamin sokongan rakyat terus kekal kepada partinya. Apatah lagi jika ia gagal dipenuhi mengikut kehendak rakyat. Ini ada kaitan dengan pola pengundi dan tingkah laku politik dalam kalangan rakyat di negara ini yang sukar diramal. Kecenderungan pengundi banyak bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh wakil rakyat dan parti politik dalam melaksanakan pengurusan politik (*political management*) dalam kempen PRU-13. Kaedah pengurusan politik yang digunakan boleh mempengaruhi psikologi politik (*political psychology*) para pengundi. Kedua-dua perkara ini iaitu pengurusan politik dan psikologi politik turut dipengaruhi oleh komunikasi politik (*political communications*), di mana ia berkaitan tentang bagaimana untuk menyakinkan pengundi untuk menyokong calon dan parti yang bertanding dalam PRU-13 kelak.

Selepas PRU-12, tsunami politik yang melanda parti komponen BN merupakan tamparan hebat kepada pemimpin parti dan wakil rakyat yang terlibat. Dapatkan kajian seperti ditunjukkan dalam jadual 6 di bawah menyenaraikan beberapa alasan tidak berpuas hati yang diberi oleh responden terhadap prestasi parti masing-masing dalam PRU-12. Responden mewakili parti MCA menyatakan punca kekalahan calon mereka kepada pembangkang (PKR dan DAP) kerana pengundi tidak mengenang budi walaupun banyak jasa yang telah dibuat oleh MCA kepada rakyat terutama kepada kaum Cina. Di samping itu, terdapat juga pengundi yang melakukan undi protes terhadap calon-calon MCA walaupun selama ini pengundi terutama kaum Cina memberi undi kepada calon MCA. Sebaliknya dalam PRU-12 mereka telah memberi undi kepada calon DAP atau PKR. Alasan yang hampir sama diberi oleh responden daripada UMNO. Prestasi UMNO merundum disebabkan undi protes daripada rakyat. Di samping itu, responden juga menyelar tindakan sesetengah pemimpin parti yang gagal menjadi calon PRU-12 bertindak mensabotaj calon BN yang bertanding di sesuatu kawasan yang akhirnya menyebabkan mereka kalah kepada pembangkang. Jika alasan-alasan tersebut diteliti, ia jelas menunjukkan pola peralihan sokongan dan undi khususnya masyarakat di kawasan bandar beralih daripada MCA dan MIC kepada DAP dan PKR dalam PRU-12.

Jadual 6: Alasan Tidak Berpuas Hati Terhadap Prestasi Parti

Penilaian (N = 56)	Parti	Jumlah	Peratus
Pemimpin politik dalam parti berkempen agar rakyat tidak mengundi calon yang bertanding.	UMNO	2	3.6%
Terdapat pemimpin dan ahli parti yang mensabotaj calon parti dalam PRU-12 lalu.	UMNO	2	3.6%
Sokongan terhadap BN dan UMNO jatuh merundum dalam PRU-12.	UMNO	3	5.3%
Kerajaan dan pemimpin gagal menangani isu dan masalah rakyat dengan cepat hingga menyebabkan rakyat marah dan tidak sokong kerajaan.	UMNO	1	1.8%
Parti dan kerajaan memerlukan pemimpin yang berkaliber untuk memperkasakan semula parti.	UMNO	2	3.6%
Banyak kerusi BN jatuh ke tangan parti pembangkang seperti kepada DAP di Pulau Pinang, PAS di Kedah dan PKR di Selangor.	SPDP	1	1.8%
Terdapat peralihan undi oleh rakyat daripada BN kepada pembangkang.	SPDP	1	1.8%
BN dan MCA telah mengalami kekalahan teruk walaupun telah banyak jasa yang diberikan oleh kerajaan pusat dan negeri.	MCA	1	1.8%
Parti perlu memahami keperluan rakyat dan mesti bekerja keras untuk PRU akan datang.	MCA	1	1.8%
Rakyat melakukan undi protes terhadap calon BN dalam PRU-12 kerana tidak berpuas hati terhadap kerajaan BN disebabkan gagal menyelesaikan masalah rakyat dan dasar yang dilaksanakan tidak adil kepada rakyat.	MCA	1	1.8%
Parti kehilangan banyak kerusi kepada pembangkang.	MIC	1	1.8%

Kesedaran terhadap politik dan keadilan dalam Islam masih rendah dalam masyarakat Melayu.	PAS	1	1.8%
(Sumber: Data Tinjauan 2011).			

Isu perpaduan dan konsensus dalam parti juga menjadi cabaran kepada wakil rakyat. Dapatan kajian seperti ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah menyenaraikan beberapa isu yang boleh menggugat perpaduan dan konsensus dalam parti. Jika setiap isu tidak dapat ditangani, ia boleh mempengaruhi pencapaian dan prestasi parti dalam PRU-13. Justeru itu, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab dan peranan penting dalam menghadapi hal tersebut. Segala isu yang menyentuh mengenai perpaduan dan konsensus dalam parti mempunyai kaitan secara langsung dalam masalah dan cabaran dalam parti yang perlu dihadapi oleh wakil rakyat seperti yang telah dibincangkan di atas.

Jadual 7: Isu Perpaduan dan Konsensus Dalam Parti Politik

Penilaian (N = 55)	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Berebut jawatan dalam parti.	54.6%	13.6%	34.5%
Gejala politik wang sangat ketara kerana perebutan jawatan politik.	38.1%	10.9%	50.9%
Konflik dalaman parti kian meruncing kerana berebut kuasa.	34.5%	7.3%	58.2%
Masalah hubungan dengan pemimpin-pemimpin atasan.	29.0%	20.0%	50.9%
Masalah hubungan dengan ahli-ahli parti.	27.2%	20.0%	52.8%
Masalah hubungan dengan parti-parti komponen.	23.7%	20.0%	56.4%

(Sumber: Data Tinjauan 2011).

Antara isu utama perpaduan dalam parti seperti konflik antara pemimpin kerana berebut jawatan (54.6%). Situasi tersebut telah mendorong amalan politik wang demi matlamat politik (38.1%), di mana ia boleh membawa kepada konflik dalaman yang boleh menjadi semakin parah akibat perebutan kuasa (34.5%). Semua keadaan tersebut boleh merosakkan perpaduan dan konsensus dalam parti termasuk juga hubungan dengan parti-parti komponen yang lain (23.7%). Apa yang paling dikhawatir apabila isu dan cabaran yang berlaku dalam parti yang membabitkan soal perpaduan dan konsensus tidak dapat ditangani dengan berkesan dan cekap, maka tidak mustahil ia mencetuskan masalah dalam hubungan antara ahli-ahli parti (27.2%). Masalah itu tidak berakhir setakat itu sahaja kerana ada kecenderungan ahli-ahli parti keluar untuk menyertai parti lain. Justeru itu, segala isu dan cabaran yang berlaku sama ada di peringkat dalaman atau luaran parti, tidak boleh dipandang mudah oleh para pemimpin dan wakil rakyat kerana ia boleh memberi banyak kesan yang tidak baik demi pembangunan parti pada masa hadapan.

Kesimpulan

Bukan perkara mudah untuk menjadi pemimpin yang berkesan dan dapat menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang. Oleh sebab itu, wakil rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam persoalan tersebut. Untuk menjadi pemimpin yang berjaya dan disegani oleh kawan dan lawan, maka wakil rakyat harus memiliki kebijaksanaan dan kualiti kepimpinan yang tinggi. Jika kualiti kepimpinan yang tinggi dapat ditunjukkan oleh wakil rakyat, ia boleh menjadi '*role model*' kepada rakyat. Bagi merealisasikan impian tersebut, wakil rakyat boleh menggunakan parti politik sebagai landasan untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sebagai pemimpin, wakil rakyat mempunyai peranan yang sangat luas termasuklah membawa pembangunan kepada rakyat. Wakil rakyat juga mempunyai peranan dalam mewujudkan keamanan dan keselamatan dalam negara. Di samping itu, wakil rakyat mempunyai peranan dalam memperjuangkan soal perpaduan dan integrasi nasional agar masyarakat majmuk di negara ini dapat hidup dalam keadaan yang aman damai dan bersatu padu tanpa kesangsian. Dalam pada itu, wakil rakyat juga boleh berperanan ke arah pembentukan negara-bangsa seperti apa yang disarankan oleh Lee Lam Thye (1998:51) dalam kenyataan berikut:

All Members of Parliament have responsibilities to the nation and the people to strengthen and promote national unity. It is hoped that all parliamentarians will respond positively to the King's advice and contribute constructive ideas and suggestions to achieve the desired objective.³

Sebagai pemimpin, pentadbir, pengurus dan ahli politik, wakil rakyat perlu menampilkan ciri-ciri kepimpinan yang bersih, cekap, amanah, dedikasi, bebas rasuah, berintegriti dan sebagainya. Nilai-nilai ini boleh diperkuatkan melalui nilai-nilai berteraskan fahaman agama yang menekankan ciri-ciri orang beriman, bertakwa, cara hidup sederhana, berpegang kepada ajaran agama dan sebagainya. Dengan itu, wakil rakyat dapat mengetengahkan ciri-ciri kepimpinan dan tadbir urus yang baik kepada masyarakat. Di samping itu, wakil rakyat juga perlu memiliki beberapa kelayakan seperti kelulusan akademik yang tinggi, berjaya dalam pentadbiran, perniagaan dan korporat serta berpengalaman luas dalam politik untuk menjadi pemimpin yang berkualiti. Dalam pada itu, wakil rakyat perlu memiliki sahsiah yang baik dan personaliti yang menarik, mesra dan sebagainya untuk menjadi tarikan kepada rakyat (Ahmad Atory 2010: 62, 187-191).

Kejayaan sebagai pemimpin dalam parti politik banyak bergantung kepada kualiti kepimpinan yang dimiliki wakil rakyat itu sendiri. Oleh sebab itu, wakil rakyat perlu memiliki kepintaran, kematangan, percaya kepada diri

sendiri dan yakin terhadap matlamat organisasi. Elemen-elemen ini adalah kemestian yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin, pengurus, pentadbir dan ahli politik. Justeru itu, wakil rakyat perlu memiliki sebanyak mungkin kemahiran untuk menstabilkan kepimpinannya. Antaranya meningkatkan kemahiran berfikir, kemahiran berpolitik, kemahiran hubungan kemanusiaan dan kemahiran kesenian yang ada kaitan dengan peranan dan tanggungjawab yang dipikulnya (Ahmad 1997:185).

Selain kemahiran-kemahiran di atas, wakil rakyat perlu ada kunci ke arah kejayaan untuk menjadi pemimpin, pentadbir, pengurus dan ahli politik yang berjaya. Dengan kata lain, wakil rakyat itu perlu memperkuuhkan ketrambilan dalam kepimpinannya untuk mencapai matlamat perjuangan dan cita-cita politiknya. Oleh itu, untuk menjadi pemimpin dan pengurus yang berkesan wakil rakyat perlu memenuhi ciri-ciri seperti kemampuan mengatur diri; memiliki nilai-nilai peribadi yang sihat; cita-cita peribadi yang jelas; berketrampilan memecah persoalan; kreatif dan inovatif; mampu mempengaruhi orang lain; memahami gaya pengurusan cekap; mampu menyelia; mampu mendidik dan mengembangkan orang lain; dan mampu membangun dan mengembangkan pasukan yang efektif.

Nota Akhir

1. Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjelaskan tentang pelantikan anggota Parlimen ke dalam Kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen (Malaysia 2007b).
2. *Web link* tinjuan yang berdaftar ialah <https://www.surveymonkey.com/s/2WTF78F>.
3. Seruan Lee Lam Thye agar ahli-ahli Parlimen boleh bertindak dalam mempromosikan perpaduan dalam negara telah disiarkan dalam The Star pada 27 Jun 1995 di bawah artikel “*Members of parliament must promote unity*”.

Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. 2010. YB oh YB: *Antara peranan dan tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1997. *Pengurusan dalam Islam* (Terj. Abd. Rashid Ngah & Jusoh Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Arblaster, A. 1994. *Democracy* (2nd ed.). Buckingham: Open University Press.
- Ball, A.R. 1993. *Politik dan kerajaan moden* (Terj. S. Ahmad Hussein, Loh Foon Fong & Wong Seat Tho). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Carter, G.M. & Herz, J.H. 1970. *Government and politics in the twentieth*

- century. London: Thames & Hudson.
- Catt, H. 1999. *Democracy in practice*. London: Routledge.
- Crystal, D. (ed.). 1990. *The Cambridge Encyclopedia*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Frankfort-Nachmias, C. & Nachmias, D.. 1996. *Research methods in the social science* (5th ed.). London: Arnold.
- Hodgetts, R.M. 2002. *Modern human relations at work* (8th ed.). Sydney: South-Western.
- Hussain Mohamed. 1987. *Membangun demokrasi: pilihan raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Kapur, D. & Mehta, P.B. 2006. *The Indian parliament as an institution of accountability*. Democracy, Governance and Human Rights Programme Paper. No. 23 (January). United Nations Research Institute for Social Development.
- Lee, Lam Thye. 1998. *As I was saying: Viewpoints, thoughts and aspirations of... . Subang Jaya*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Lusoli, W. & Ward, S. 2004. From weird to wired: MPs, the Internet and representative politics in the UK. Paper Presented at the Political Studies Association. University of Lincoln. 5-8 April.
- Malaysia. 2007a. *50 tahun demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya.
- Malaysia. 2007b. *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: MDC Publisher.
- Mickel, J. 2010. The modern member of parliament: Legislator, ombudsman or social worker? Paper Presented at 41st Presiding Officers and Clerks Conference Darwin, Northern Territory (3-9 July). Diakses daripada www.nt.gov.au/.../parliament?...pdf (22 Disember 2010).
- Mohd. Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan dalam kepimpinan politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-90*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neuman, W. L. 2006. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (6th ed.). Boston: Pearson.
- Northrop, A. & Arsneault, S. 2008. Sampling and data collection. In Yang, K. & Miller, G.J. *Handbook of research methods in public administration* (2nd ed.). Boca Raton: CRC Press Taylor & Francis Group: 213-240.
- Patton, M.Q. 1990. *Qualitative evaluation and research method* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Ramanathan, K. 1992. *Asas sains politik* (edisi ke-2). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Robertson, D. 1985. *Dictionary of politics*. London: Penguin.
- Robbins, S.P. 2000. *Gelagat organisasi* (edisi ke-8) (Terj. Abdul Razak Ibrahim & Ainie Sulaiman). Petaling Jaya, Selangor: Prentice-Hall.
- Roskin, M.G., Cord, R.L., Medeiros, J.A & Jones, W.S. 2003. *Political science: An introduction*. (5th ed.). New Jersey: Pearson Education

- International.
- Roslina Ismail & Roslina Rosli. 2002. *Wanita dan politik baru dalam pilihan raya Umum 1999*. Dlm. Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad (pnyt.). *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: 146-176.
- Ruscio, K.P. 2004. *Leadership dilemma in modern democracy*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Schermerhon Jr., J.R., Hunt, J.G. & Osborn, R.N. 2003. *Organizational behavior* (8th ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Searing, D. 1994. *Westminster's world: Understanding political roles*. Cambridge: Harvard University Press.
- Stilborn, J. 2002. The roles of the member of parliament in Canada: Are they changing? Political and Social Affairs Division, Parliamentary Research Branch (31 May). Diakses daripada www.parl.gc.ca/content/LDP (22 Disember 2010).
- Syed Ahmad Hussien. 1995. *Pengantar sains politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wan Mohd. Mahyiddin. 1996. *Kepimpinan: sorotan pelbagai aspek bagi meningkatkan kualiti dan pencapaian*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Nota Biografi

Malike Brahim (emel: malike@uum.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia. Beliau telah menulis beberapa artikel, buku dan penyelidikan berkaitan dengan politik di Malaysia. Beliau juga banyak menulis tentang wakil rakyat dan membuat penyelidikan mengenainya. Kini beliau sedang di peringkat mempertahankan tesis doktor falsafahnya (Ph.D) mengenai Peranan dan Tanggungjawab Wakil Rakyat Dalam Sistem Berparlimen di Malaysia. Maklumat dan data yang dibincangkan dalam artikel ini adalah hasil penyelidikan Ph.D yang telah dilakukannya.

Mohd. Fo'ad Sakdan (emel: foaad437@uum.edu.my) merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia. Beliau adalah penyelia utama Ph.D kepada Malike Brahim. Beliau banyak menghasilkan kajian dan karya berkaitan politik di Malaysia. Beliau telah banyak menghasilkan artikel berkaitan politik di Malaysia dan menjadi pakar rujuk dalam politik di negara ini. Beliau telah menyandang beberapa jawatan pentadbiran di UUM dan terakhir Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) UUM. Kini beliau telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Perlis

Musliza Mohamad (emel: musliza_75@yahoo.com) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas), Jitra, Kedah. Berkelulusan BBA (Hons) dari UKM tahun 1999 dan sarjana kewangan (MSc. Finance) tahun 2010 dari Universiti Utara Malaysia. Memiliki kepakaran dalam kewangan, pengurusan keusahawanan dan pengurusan risiko.